KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA 24 JAM KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

Tarikh: **31 Januari 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU
TARIKH: 31/1/2024
M/SURAT: 8

KES PENGUBAHAN WANG HARAM WAN SAIFUL

Pendakwaan panggil 50 saksi

Kuala Lumpur: Pendakwaan memanggil 50 saksi untuk memberikan keterangan dalam kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung projek Jana Wibawa dihadapi bekas Ketua Penerangan Bersatu Datuk Wan Saiful Wan Jan.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya Rasyidah Murni Azmi ketika pengurusan kes berkenaan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Rozina Ayob, semalam.

Sementara itu, peguam Chetan Jethwani memberitahu mahkamah, pihaknya belum menerima pernyataan saksi daripada pendakwaan dan berharap ia dapat diserahkan lebih awal bagi membuat persiapan sebelum perbicaraan bermula.

Katanya, pada masa sama, pembelaan menerima empat ikatan dokumen berhubung kes itu, manakala dua lagi belum diserahkan.

Menjawab persoalan itu, Rasyidah Murni berkata, pihaknya menyerahkan pernyataan saksi dan baki dua ikatan dokumen terbabit sebelum perbicaraan bermula.

Difahamkan, antara saksi yang dipanggil memberikan keterangan dalam kes terbabit ialah kakitangan bank dan kakitangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta ahli politik.

Pada 21 Februari tahun lalu, Wan Saiful, 48, didakwa meminta suapan daripada Lian Tan Chuan sebagai dorongan membantu syarikat Nepturis Sdn Bhd mendapatkan projek Central Spine Road: Sertik Ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur daripada Kerajaan Malaysia, secara prakelayakan bernilai RM232 juta.

Beliau juga dituduh menerima bagi dirinya suapan RM6,962,694.54 melalui akaun bank milik syarikatnya WSA Advisory Group Sdn Bhd daripada akaun bank milik Nepturis sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan Surat Setuju Terima bagi projek terbabit.

Kedua-dua perbuatan itu didakwa dilakukan di Royal Lake Club, Taman Tasik Perdana di sini, pada April 2022 dan di sebuah bank di Taman Tunku, Bukit Tunku di sini antara 8 Julai 2022 dan 30 September 2022.

Wan Saiful juga didakwa atas 18 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan RM5.59 juta dengan memindahkan dan menggunakan wang hasil aktiviti haram, antaranya bagi pembelian Ford Ranger, pembayaran kepada Majlis Sukan Negara dan memindahkan ke beberapa akaun termasuk milik syarikat Sinar Karangkraf Sdn Bhd.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 31 JANUARI 2024			
TARIKH	**TAJUK**	**PAUTAN**	**MEDIA**
31-Jan	Pemandu lori ditahan dis-yaki cuba seleweng diesel bersubsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/647060/berita/semasa/pemandu-lori-ditahan-disyaki-cuba-seleweng-diesel-bersubsidi	SINAR HARIAN
31-Jan	KPDN Pahang gagalkan cubaan seleweng minyak diesel bersubsidi	https://malaysiaga-zette.com/2024/01/30/kpdn-pahang-gagalkan-cubaan-seleweng-minyak-diesel-bersubsidi/#google_vignette	MALAYSIA GAZETTE

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT